

14/02/2003

Tambah doktor pakar bagi atasi penghijrahan

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Ridzuan Yop; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang berusaha untuk menambah doktor pakar bagi mengatasi masalah penghijrahan ramai doktor pakar ke hospital swasta.

"Apabila doktor pakar semakin banyak, mereka akan terpaksa bersaing dan

dalam masa sama pendapatan yang ditawarkan pihak swasta tidak akan dapat terus bertambah dan akhirnya doktor pakar akan memilih bekerja dengan kerajaan," kata Perdana Menteri.

Di samping itu, katanya, kerajaan memperbadankan sesetengah unit seperti Institut Jantung Negara (IJN) bagi mengatasi masalah penghijrahan doktor pakar.

"Walaupun IJN dimiliki kerajaan, kita asingkannya daripada sistem hospital yang ada dan dengan itu kita dapat membayar gaji yang lebih," katanya pada sidang akhbar selepas Taklimat Presiden Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, lewat petang semalam.

Beliau diminta mengulas lanjut mengenai ucapannya berhubung dilema kerajaan akibat penghijrahan doktor pakar ke hospital swasta ketika merasmikan Persidangan Tahunan Ke-11 Persatuan Kardiovaskular Asia (ASCVS) di sini, pagi semalam.

Dalam ucapannya pada perasmian persidangan itu, Dr Mahathir berkata dilema penghijrahan doktor ke sektor swasta akan berterusan kerana kerajaan tidak dapat menyaingi ganjaran lebih baik ditawarkan hospital swasta.

Ditanya apakah ada cadangan bagi memastikan doktor yang menerima biasiswa atau pinjaman kerajaan ketika pengajian untuk berkhidmat dalam tempoh waktu lebih panjang dengan hospital kerajaan, Dr Mahathir berkata:

"Kita sudah ada (syarat seperti itu) untuk doktor. Tetapi tak bolehlah nak panjang sangat (syarat tempoh perkhidmatan), nanti complaint orang lain."

Beliau berkata, doktor pakar yang belajar menggunakan biasiswa kerajaan juga dikehendaki bekerja dengan kerajaan selepas menamatkan pengajian.

Selain itu, Dr Mahathir berkata masyarakat perubatan perlu kembali memberi tumpuan terhadap persoalan kesihatan secara lebih menyeluruh, bukan sekadar membincangkan teknik dan kemajuan dalam sains perubatan.

Katanya, kesihatan kemanusiaan sekarang tidak pada tahap sepatutnya jika

mengambil kira kemajuan dalam ilmu dan teknologi sains perubatan.

Beliau berkata, ini kerana kos perubatan terlalu tinggi bagi kebanyakan

orang dan dunia lebih cenderung membelanjakan banyak wang untuk membangunkan kaedah baru bagi membunuh daripada menyelamatkan nyawa.

"Kita tidak akan dapat membasmi Aids, batuk kering, malaria atau penyakit berjangkit lain yang melanda dunia membangun kerana terlalu sedikit wang dibelanjakan untuk penyelidikan bagi mengubati atau

mengelak

penyakit berkenaan. Ini adalah penyakit orang miskin yang tidak mampu membayar kos penyelidikan yang tinggi.

"Tetapi penyelidikan berhubung mati pucuk dan penawarnya menjanjikan pulangan besar. Justeru, banyak wang diperuntukkan bagi mengatasi masalah

orang kaya yang ingin mengekalkan kejantanan mereka. Mereka yang miskin akhirnya reda akan kehilangan dorongan dan lenyap dari pandangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, rawatan penyakit jantung sama ada secara perubatan

atau pembedahan masih amat mahal.

"Saya sering terfikir jika saya tidak menjadi Perdana Menteri ketika saya mengalami serangan jantung, apakah saya akan berada di sini hari ini," katanya.

Justeru, kata Dr Mahathir, kerajaan sudah berusaha sedaya upaya bagi memastikan setiap rakyat berpeluang mendapat rawatan jantung dan tidak lagi perlu pergi ke luar negara.

Katanya, banyak kemajuan yang dicapai negara dalam bidang pembedahan kardiak khususnya oleh Institut Jantung Negara sejak ia beroperasi pada 1992 dan beliau yakin pencapaian itu dapat ditingkatkan.

"Pembedahan jantung sudah menjadi kenyataan sejak 1997 dan saya percaya

dalam masa terdekat pembedahan pemindahan paru-paru bukan lagi menjadi satu impian," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan pembedahan bukan semata-mata

menggunakan kemahiran dan pengetahuan untuk menyembuh pesakit, tetapi juga

sentuhan kemanusiaan yang dapat melegakan dan meyakinkan pesakit serta keluarga.

Sambil menyatakan beliau bercakap sebagai bekas pesakit jantung yang pernah melalui pembedahan, Dr Mahathir berkata pakar bedah perlu menyelami perasaan pesakit dan keluarga mereka.

"Beliau (pakar bedah) mesti bersama pesakit dan seboleh-bolehnya memegang tangan pesakit ketika ia menjalani pembedahan dan bersama pesakit apabila ia sedar dengan jaminan bahawa segala-galanya akan selamat," katanya.

Mengenai penghijrahan doktor ke sektor swasta, Dr Mahathir berkata dilema itu akan berterusan kerana kerajaan tidak akan dapat menyaingi ganjaran lebih baik yang ditawarkan hospital swasta.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang membina banyak hospital ultra moden tanpa kertas, tetapi ia akan dilihat sebagai 'gajah putih' kerana tidak mampu menyediakan kakitangan untuk mengendalikannya.

"Itulah yang menjadi dilema kerajaan. Saya tidak nampak penghujung kepada dilema ini kerana semakin ramai doktor yang kita latih dan keluarkan, semakin tinggi permintaan bagi khidmat mereka apabila taraf kehidupan meningkat. Masalah ini diburukkan lagi oleh negara lebih kaya yang menawarkan ganjaran yang lebih baik," katanya.